



## JABATAN AKAUNTAN MINTA ORANG RAMAI WASPADA LAMAN WEB PALSU EGUMIS



Image Source: freepik

17/08/2023 06:24 PM

ADVERTISEMENT

PUTRAJAYA, 17 Ogos (Bernama) -- Jabatan Akauntan Negara (JANM) menasihati orang ramai supaya berwaspada dengan laman web palsu <https://telegroup.my.id/jawatanmalaysiaterkini-tdr> bagi sistem eGUMIS.

JANM dalam kenyataan hari ini memaklumkan hasil semakan Pasukan Tindak Balas Insiden Keselamatan Komputer (CSIRT) JANM, url tersebut adalah "phishing website" atau laman web penipuan digital.

"Justeru orang ramai diminta berwaspada dan berhati-hati dengan memastikan melayari laman web sebenar bagi urusan Wang Tak Dituntut (WTD) di url <https://egumis.anm.gov.my/>," menurut kenyataan itu.



Semakan Bernama di url palsu itu mendapati laman web tersebut memaparkan tettingkap seakan-akan laman rasmi eGUMIS yang memerlukan pengguna memasukkan nombor kad pengenalan dan nombor telefon.

Menurut JANM orang ramai yang mempunyai sebarang pertanyaan boleh menghubungi pihak jabatan di talian 03-8000 1033 atau e-mel di korporat@anm.gov.my.

-- BERNAMA

---

BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; [www.bernama.com](http://www.bernama.com); BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 IFLIX dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan RM100.9 (Kuching).

Ikuti kami di media sosial :

Facebook : [@bernamaofficial](#), [@bernamatv](#), [@bernamaradio](#)

Twitter : [@bernama.com](#), [@BernamaTV](#), [@bernamaradio](#)

Instagram : [@bernamaofficial](#), [@bernamatvofficial](#), [@bernamaradioofficial](#)

TikTok : [@bernamaofficial](#)

ADVERTISEMENT

## Kata Kunci

janm

phishing

egumis

wang tak dituntut

## Lagi Berita



KEBAKARAN HUTAN: PM KANADA ADAKAN MESYUARAT TERGEMPAR



RANGKAIAN MAKANAN SEGERA AS POPEYES RANCANG BUKA 1,700 CAWANGAN DI CHINA DALAM TEMPOH 10 TAHUN